



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Wanita rugi hampir RM20,000 ditipu 'polis' China  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 8 January 2020

Language: Malay  
Section: Pahang  
Page: 30

## Wanita rugi hampir RM20,000 ditipu 'polis' China



**Wanita rugi hampir  
RM20,000 ditipu  
'polis' China  
di Kuantan**

**KUANTAN** - Seorang wanita berusia 23 tahun kerugian hampir RM20,000 akibat terpedaya dengan panggilan diterima daripada 'polis' China kelmarin yang mendakwa dia terlibat dalam pengubahan wang haram dan diminta menyerahkan maklumat perbankan internet bagi tujuan siasatan dan mengelak dikenakan tindakan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa berputih mata apabila wang simpanan dalam akaun bank lesap dipindahkan suspek.

Menurutnya, kehilangan wang dalam

akaun bank disedari mangsa selepas dia membuat semakan dan mendapati wang berjumlah RM19,998 dipindahkan ke akaun bank milik individu tempatan yang tidak dikenali.

"Kejadian tersebut bermula selepas dia menerima panggilan daripada polis China pagi semalam (kelmarin) ketika berada di tempat kerja.

"Individu berkenaan (pemanggil) jelas meragukan kerana memperkenalkan diri sebagai polis China sedangkan panggilan dibuat di negara ini berdasarkan nombor telefon digunakan," katanya.

Beliau berkata, suspek berjaya memperdayakan mangsa sehingga wanita itu menyerahkan nama pengguna, kata luan dan nombor kod pengesahan transaksi (TAC) perbankan internet seperti diarahkan.

"Selepas menyedari ditipu, mangsa tampil membuat laporan polis dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

"Polis sedang mengesan seorang lelaki tempatan yang juga pemilik akaun bank yang digunakan dalam kes itu bagi membantu siasatan," katanya.



**MOHD WAZIR**